

06/11/2001

Keganasan: Tiga kali PM ulangi pendirian

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan tiga kali pendirian Malaysia menentang keganasan pada Sidang Kemuncak Asean ke-7 di sini, sambil mengulangi saranan dihentikan segera serangan Amerika Syarikat (AS) ke atas Afghanistan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan diadakan satu seminar peringkat Asean dan kemudian disusuli peringkat antarabangsa untuk mendefinisikan istilah keganasan dan pengganas serta mengenal pasti punca ia berlaku.

Katanya, kali pertama Malaysia menyatakan pendirian menentang keganasan ketika jamuan makan kerja ketua-ketua kerajaan Asean malam tadi dan dua kali pagi ini menerusi sesi berasingan.

"Kita menegaskan pentingnya dikenal pasti punca keganasan itu berlaku dan siapa pengganas dan apa tindakan yang dianggap keganasan kerana ada yang menjadi pengganas sebelum ini, kini menjadi orang yang disegani.

"Kecuali kita dapat mengenal pasti siapakah pengganas sebenar, kita mungkin menyerang orang yang tidak bersalah," katanya pada sidang akhbar di akhir Sidang Kemuncak Asean ke-7 dan Asean Campur+3 (Asean+3) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini, petang ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Korea, Kim Dae-Jung. Malam ini, Perdana Menteri menghadiri jamuan malam kerja bersama ketua-ketua kerajaan Asean +3 yang dihoskan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Sambil menyifatkan sidang kemuncak kali ini berjalan baik kerana Malaysia dapat menyuarakan pandangan mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya ke atas Afghanistan tidak berkesan untuk memerangi pengganas kerana ia menyebabkan kematian banyak orang awam, terutama kanak-kanak selain mencetuskan kemarahan kalangan umat Islam seluruh dunia.

"Tindakan itu (serangan ke atas Afghanistan) tidak membantu usaha memerangi pengganas kerana tidak semua pengganas ada di sana... kalau pengganas ada di Afghanistan pun, sukar untuk mengenal pasti dan membunuh mereka dengan mengebomnya," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia mencadangkan cara paling berkesan menanganinya ialah dengan mencari punca keganasan itu dan menangani punca berkenaan agar tidak ada orang yang tertarik melakukan tindakan keganasan.

Sambil menyatakan keyakinan perkara itu akan dimasukkan dalam kenyataan akhir pengerusi persidangan esok, beliau berkata desakan untuk menghentikan serangan ke atas Afghanistan tidak dimasukkan dalam Deklarasi Asean 2001 Mengenai Tindakan Bersama Memerangi Keganasan disebabkan tidak ada persamaan pandangan di kalangan semua negara anggota.

"Sementara Malaysia dan Indonesia merasakan (serangan ke atas Afghanistan) perlu dihentikan, negara anggota lain tidak menyatakan pendirian tegas mengenainya," katanya.

Dr Mahathir, yang sebelum ini sudah mendesak dihentikan segera serangan AS ke atas Afghanistan yakin ada negara lain, bukan saja dari negara Islam, akan menyokong saranan Malaysia itu.

Ini, katanya, disebabkan banyak negara seluruh dunia merasakan rasa tidak senang hati dengan serangan ke atas Afghanistan kerana membabitkan kematian banyak nyawa orang awam, terutama kanak-kanak.

Menurut Perdana Menteri, sehingga kini tidak ada bukti yang menunjukkan tentera Taliban dan pemimpin al-Qaeda terbunuh akibat serangan AS dan

sekutunya itu.

(END)